

Dasar diplomasi China di Nusantara

Komentaar



Abdul Muein Abadi

Pensyarah Program Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Gedung Agung Jogjakarta menjadi saksi Mesyuarat Menteri Luar Malaysia, Indonesia dan Filipina, baru-baru ini. Delegasi Malaysia terdiri daripada Datuk Seri Anifah Aman dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin. Filipina pula diwakili Menteri Luar, Jose Rene dan Pemangku Panglima Tentera, Caesar C Taccad, manakala tuan rumah Indonesia pula diwakili Menteri Luar, Retno Marsudi dan Panglima Tentera Nasional Indonesia (TNI) Jeneral Gatot Nurmantyo. Pertemuan terbabit diusulkan oleh Presiden Indonesia, Joko Widodo susulan tercesutusnya beberapa insiden keselamatan di perairan Zamboanga, Sulawesi dan Sulu, sejak akhir-akhir ini.

Rondaan bersama

Di samping menegaskan kembali komitmen perjanjian tiga hala Pertukaran Maklumat dan Pewujudan Prosedur Komunikasi Malaysia, Indonesia dan Filipina yang ditandatangani pada 2002, beberapa langkah konkrit digariskan. Antaranya, rondaan bersama, perkongsian dan pertukaran maklumat risikan, penubuhan fokus utama di setiap negara, penubuhan talian komunikasi bersama dan juga persetujuan bersama untuk memberi bantuan segera kepada mana-mana kapal yang berada dalam kesusahan di laut.

Namun demikian, sedang fokus diberi kepada tiga negara sekitar wilayah perairan Sulu dan Selatan Filipina, satu perkembangan menarik turut tercetus di Laut China Selatan. Pada 2 Mei lalu, China menubuhkan sebuah ar-

mada nelayan perikanan di pelabuhan Pulau Hainan di mana latihan ketenteraan serta subsidi bekalan ais dan minyak diperuntukkan.

Nelayan yang memiliki 50,000 kapal ini turut dilengkapi sistem penentu kedudukan global (GPS), manakala Cawangan Jabatan Pasukan Tentera Rakyat ditugaskan untuk melatih mereka mengumpul maklumat mengenai kapal asing serta operasi mencari dan menyelamatkan demi kedaulatan perairan China.

Secara spesifiknya, langkah China ini boleh ditafsirkan sebagai usaha menegaskan tuntutan di Laut China Selatan terhadap beberapa negara Asia Tenggara dan juga respon kepada tindakan Amerika Syarikat (AS) mengerah rondaan laut dan udara dekat pulau buatan China di Kepulauan Spratly, terutama sekali penerbangan pesawat pengebom B-52.

Umum mengetahui China kini giat membangunkan pulau buatan di kawasan yang turut menjadi pertelingkahan dengan Filipina seperti di Terumbu Mischief, Terumbu Fiery Cross dan Terumbu Subi. Malah, baru-baru ini juga

penyanyi lagu-lagu patriotik terkenal China, Song Zuying dibawa khas Tentera Laut China untuk menghiburkan beratus-ratus askar serta buruh binaan di Terumbu Fiery Cross. Namun, Manila berhasil mencabar Beijing di Mahkamah Timbangtara Tetap di The Hague.

Iktiraf Pulau Natuna

Malah pada November 2015 juga Beijing terpaksa membuat pengisytiharan bersejarah mengiktiraf kedaulatan Pulau Natuna milik Indonesia selepas Menteri Koordinator Bidang Politik, Hukum dan Keamanan Indonesia, Luhut Panjaitan menegaskan kemungkinan Indonesia mengheret Beijing ke mahkamah yang sama. Akan tetapi, rentetan peristiwa pencerobohan kapal nelayan MV *Kway Fey* dan kapal Pengawal Pantai China di perairan Natuna, Mac lalu, hubungan dua hala Beijing-Jakarta kembali tegang.

Malaysia turut tidak terkecuali daripada tempas tuntutan China. Meskipun penguasaan Malaysia

ke atas Terumbu Siput, Terumbu Peninjau, Terumbu Ubi, Terumbu Mantanani dan Pulau Layang-Layang tidak pernah dicabar secara ketenteraan oleh Beijing, namun tuntutan tetap dibuat dan beberapa siri penerobosan kapal milik China di perairan Sarawak dekat Beting Patinggi Ali serta Beting Serupai sejak 2013 telah berlaku.

Langkah provokasi secara langsung mahupun tidak langsung oleh Beijing terhadap tiga negara Nusantara ini perlu dipertimbang sedalam-dalamnya. Sejarah membuktikan bahawa angkatan tentera laut China ketika kekuasaan Kublai Khan pada 1292 mampu dikalahkan oleh tipu muslihat Putera Vijaya yang seterusnya mengasaskan Kerajaan Majapahit di Nusantara.

Sejarah juga membuktikan kepentingan China lebih terpelihara menerusi dasar terbaik-baik dengan negara Nusantara. Contohnya seperti hubungan China dan Melaka di mana Maharaja Yung-Lo, pemerintah Dinasti Ming, bukan sahaja mengirim surat peringatan kepada pemerintah Siam (Ayudhya) agar berhenti menyerang Melaka, tetapi juga mengirimkan armada Laksamana Cheng Ho bagi memberi isyarat ketegasan baginda. Langkah ini membawa pulangan perdagangan menguntungkan buat Dinasti Ming.

Melihat kerjasama diplomasi pertahanan Malaysia, Indonesia, dan Filipina, di samping kehadiran AS serta Australia di Pasifik hari ini, Beijing perlu lebih positif dalam tindak-tanduknya di Nusantara terbabit, khususnya dari segi menghormati kedaulatan dan integriti wilayah mereka. Pastinya, pendekatan diplomatik positif oleh China bakal menguntungkan gagasan Laluan Sutera Maritim Baru mereka jua.



Sejarah juga membuktikan kepentingan China lebih terpelihara menerusi dasar terbaik-baik dengan negara Nusantara"